



Anwar hadir pada Majlis Sambutan Aidilfitri Jabatan Kastam Diraja Malaysia di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

# Kerajaan teliti IMF turunkan unjuran KDNK Malaysia 2025

PM akan beri kenyataan penuh pada Sidang Khas Dewan Rakyat 5 Mei ini

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kerajaan akan meneliti tindakan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) menyamak turun unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar Malaysia bagi tahun 2025.

Kelmarin, media melaporkan IMF menyamak turun unjuran pertumbuhan KDNK sebenar Malaysia bagi tahun 2025 kepada 4.1 peratus, berbanding 4.7 peratus sebelum ini, selari dengan semakan penurunan unjuran pertum-

buhan di seluruh rantau ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata beliau akan memberi kenyataan penuh berhubung perkara itu dalam Sidang Khas Dewan Rakyat pada 5 Mei ini.

"Itu semakan semula (oleh IMF), di peringkat antarabangsa, untuk dunia, untuk Amerika Syarikat (AS), China dan kebanyakan negara dan ia menurun sedikit.

"Kami (kerajaan), Bank Negara Malaysia dan Perbendaharaan, akan meneliti dan mengkajinya semula dan saya akan umumkan. Saya akan beri kenyataan penuh di Parlimen pada 5 Mei ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Sambutan Aidilfitri Jabatan Kastam Diraja Malaysia di sini, semalam.

Menerusi Laporan Tinjauan Ekonomi Dunia April 2025 bertajuk 'Persimpangan Kritikal di Tengah Peralihan Dasar', IMF turut menjangkakan ekonomi Malaysia berkembang 3.8 peratus pada 2026.

IMF juga menurunkan unjuran

pertumbuhan ekonomi global 2025 kepada 2.8 peratus, iaitu 0.5 mata peratusan lebih rendah berbanding anggaran Januari lalu.

Dalam kalangan rakan serantau Malaysia, IMF menyamak turun unjuran pertumbuhan Indonesia bagi 2025 kepada 4.7 peratus daripada 5.1 peratus, Filipina kepada 5.5 peratus daripada 6.1 peratus, manakala Thailand dijangka berkembang 1.8 peratus berbanding 2.9 peratus sebelum ini.

## Isu tarif AS agenda utama

Sementara itu di Kuala Lumpur, tiga perkara yang menyentuh isu tarif Amerika Syarikat (AS) ke atas negara dagangnya, akan menjadi agenda utama dalam sesi penerangan sempena Mesyuarat Khas Dewan Rakyat pada 5 Mei ini.

Bahagian Komunikasi Korporat Parlimen dalam kenyataan semalam memaklumkan, ia antara lain menumpukan perbincangan atas tindakan AS mengenakan tarif timbal balas ke atas semua importnya serta kesannya terhadap ekonomi Malaysia.